

Rafidah Abdullah (COMPLIANCE)

From: Md Ibnu Hisyam Mohamad (COMPLIANCE)
Sent: Friday, March 15, 2019 12:07 PM
Subject: PENGUMUMAN PENGUATKUASAAN SEKSYEN 241 AKTA SYARIKAT 2016
Attachments: Garis Panduan Berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha Di bawah Seksyen 241 Akta Syarikat 2016.pdf; Peraturan-Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan Bagi Setiausaha) 2019.pdf

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

2. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengumumkan bahawa seksyen 241 Akta Syarikat 2016 (AS 2016) akan dikuatkuasakan bermula 15 Mac 2019.

3. Seksyen 241 AS 2016 adalah fasa akhir peruntukan di bawah AS 2016 yang telah dikuatkuasakan secara berperingkat pada 31 Januari 2017. Dengan penguatkuasaan seksyen tersebut, semua individu berkelayakan yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha perlu mendaftar dengan Pendaftar tanpa mengira latar belakang profesional mereka.

4. AS 2016 juga memperuntukkan tempoh peralihan bagi setiausaha syarikat sedia ada untuk memohon perakuan amalan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuatkuasa.

5. Berdasarkan pemerhatian terhadap permohonan pendaftaran ini pada hari pertama, terdapat aduan berhubung kesukaran pemohon untuk membuat *login* ke dalam sistem. Justeru itu, tuan/puan dinasihatkan agar menggunakan tempoh peralihan yang telah diperuntukkan bagi mengelakkan tuan/puan menghadapi masalah tersebut.

6. Selaras dengan penguatkuasaan seksyen ini SSM juga memperkenalkan Peraturan-Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan Bagi Setiausaha) 2019 dan Garis Panduan Berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha Di bawah Seksyen 241 Akta Syarikat 2016 yang bertujuan untuk menggariskan parameter prosedur pendaftaran serta tugas dan tanggungjawab setiausaha. Sila rujuk pada dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama-sama dengan emel ini berhubung dokumen-dokumen berkaitan penguatkuasaan seksyen 241 AS 2016.

7. Pendaftaran di bawah peruntukan ini akan menambahbaik piawaian profesionalisme dan kompetensi dalam profesion kesetiausahaan dan memastikan pemantauan yang efektif oleh SSM melalui pangkalan data berpusat.

8. Semua permohonan perakuan amalan perlu dibuat secara dalam talian melalui <https://esecretary.ssm.com.my>.

Sekian, terima kasih.

“PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM”

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
15 Mac 2018